# Perizaban Tanah

Proses Kerja (62 KTN) | Proses Kerja (63 KTN) | Proses Kerja (64 KTN)

## 1. Definisi

"Tanah Rizab" mengikut Sek. 5 Kanun Tanah Negara bermaksud tanah yang buat masa itu dirizabkan untuk tujuan awam selaras dengan peruntukan-peruntukan Sek. 62 atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu.

## 2. Peruntukan Undang-Undang

2.1 Peruntukan undang-undang di bawah Sek. 62, Sek. 63 dan Sek. 64 Kanun Tanah Negara.

i) Perizapan tanah bagi maksud awam - Sek. 62 Kanun Tanah Negara.
ii) Pajakan tanah rezab - Sek.a) 63 Kanun Tanah Negara.
iii) Pembatalan perizapan - Sek. 64 Kanun Tanah Negara.

2.2 Rezab jalan merupakan tanah kerajaan yang diperuntukan untuk jalan atau laluan dan ianya TIDAK DIWARTAKAN sebagai tanah rezab.

2.3 Rezab sungai merupakan tanah kerajaan dan ianya jugaTIDAK DIWARTAKAN sebagai tanah rezab.